



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL PENILAIAN PMR

02/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

OGOS 2012

1 jam

Satu jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Soalan 1- 7**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawaban yang paling sesuai.

- 1 “Mangsa bencana banjir akan dibantu melalui \_\_\_\_\_ yang diwujudkan”, kata wakil rakyat itu semasa menyampaikan ucapannya di hadapan para penduduk kampung.  
  
A sumbangan  
B simpanan  
C derma  
D dana
  
- 2 Emak sentiasa mengingatkan adik yang tinggi lampai itu supaya berjalan dengan \_\_\_\_\_ badannya agar tidak bongkok sabut apabila tua kelak.  
  
A mendirikan  
B menegapkan  
C menegakkan  
D melempangkan
  
- 3 Dompok itu diperbuat \_\_\_\_\_ kulit ikan pari.  
  
A daripada  
B oleh  
C pada  
D dari
  
- 4 “Titah perintah tuanku terjunjung di atas batu jemala \_\_\_\_\_,” kata Syeikh Shamsuddin kepada Sultar Mansur Syah.  
  
A beta  
B patik  
C hamba  
D baginda

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



- 5 Seorang nelayan yang sedang memancing terpepaman apabila seekor buaya \_\_\_\_\_ ekornya.
- A melipatkan
  - B melibaskan
  - C mengilaskan
  - D mengibaskan
- 6 Keropok yang dibelinya itu sedap dimakan kerana \_\_\_\_\_.
- A reput
  - B rangup
  - C rapuh
  - D retas
- 7 Razi mengait se \_\_\_\_\_ langsung dengan menggunakan se \_\_\_\_\_ galah bergunting.
- A biji...batang
  - B mayang...kaki
  - C gugus...batang
  - D bakul...kaki

**Soalan 8-14**

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditanda dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Wajah gadis itu merah padam apabila dusik oleh beberapa orang pemuda  
 di jalan simpang. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 9 Doktor pakar-doktor pakar itu sedang berbincang tentang penemuan rawatan  
 terbaharu penyakit kanser. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 10 Tidak ada apa yang berharga disimpan di dalam peti besi itu. Tiada kesalahan.  
 A B C D
- 11 "Tolong jangan bermain di tepi longkang yang besar itu," kata ibu kepada adik.  
Tiada kesalahan.  
 A B C  
 D
- 12 Sebelum ke pasar raya, ibu akan menulis senarai barangan yang ingin dibeli.  
Tiada kesalahan.  
 A B C  
 D
- 13 Kami berhati-hati ketika mandi di kawasan air terjun itu kerana batu-batu di situ  
teramat licin. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 14 Ibu menyeret guni yang berisi buah durian itu kerana terlalu berat untuk diangkat.  
Tiada kesalahan.  
 A B C  
 D

## Soalan 15-17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15
- I Naskhah lama itu menggunakan *lontar* sebagai kertas.
  - II Pertandingan *lontar* lembing itu baru sahaja tamat.
  - III Dia *lontar* puntung rokok ke halaman rumah.
  - IV Ahmad *lontar* kata-kata indah semasa menyampaikan syarahan.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 16
- I Katanya yang *pekat* itu menggores hatiku.
  - II Hanif menelan kopi *pekat* yang disediakan oleh Hasif.
  - III Malam yang gelap *pekat* itu menyukarkan dia untuk terus memandu kereta.
  - IV "Santan yang *pekat* itu perlu ditambah air sejuk," kata Chef Malim kepada anak didiknya.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 17
- I Dia *menggalas* tanggungjawab sebagai ketua keluarga selepas kematian bapanya.
  - II Mak Som *menggalas* bungkusan kain itu di atas bahunya.
  - III Dia *menggalas* meja menggunakan kain bercorak flora.
  - IV Barangan yang dijaja olehnya *menggalas* turun kerana berat amat.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 18 – 21**

*Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mempunyai kesalahan dalam penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.*

*Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.*

- 18 Para pelajar sabar menunggu daripada detik kepada sedetik ketibaan jaguh skuasy negara, Datuk Nicol Ann David.
- A dari detik ke detik.
  - B daripada detik ke sedetik.
  - C daripada sedetik ke sedetik.
  - D daripada detik kepada sedetik.
- 19 Lambakan novel-novel picisan di pasaran telah mempengaruhi minda remaja dewasa ini.
- A Lambakan novel-lambakan novel
  - B Lambakan-lambakan novel
  - C Lambakan novel
  - D Lambakan novel-novel
- 20 Tidak termakan oleh saya lauk yang pedas itu.
- A Tidak dimakan saya
  - B Tidak dimakan oleh saya
  - C Tidak termakan saya
  - D Tidak termakan oleh saya
- 21 Majlis Perbandaran Seberang Perai diberikan mandat untuk memperindah lagi kawasan bandar itu.
- A untuk memperindahkan lagi kawasan bandar itu.
  - B untuk memperindah kawasan bandar itu.
  - C untuk memperindahkan kawasan bandar itu.
  - D untuk memperindah lagi kawasan bandar itu.

**Soalan 22 -24**

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Kejayaan mereka memenangi pertandingan itu didorong oleh semangat yang tinggi untuk mengharumkan nama negara.**
- A Pertandingan itu dimenangi oleh mereka untuk menaikkan semangat yang tinggi demi mengharumkan nama negara.
  - B Demi mengharumkan nama negara telah mendorong mereka untuk memenangi pertandingan itu dengan jayanya.
  - C Semangat mereka yang berkobar-kobar untuk memenangi pertandingan itu telah mengharumkan nama negara dengan jayanya.
  - D Keinginan yang kuat untuk menaikkan nama negara telah mendorong mereka menjuarai kejohanan tersebut.
- 23 **Kursus kepemimpinan pengawas itu bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang sifat-sifat sebagai pemimpin yang perlu ada dalam diri mereka.**
- A Sifat-sifat sebagai pemimpin yang wujud dalam diri pelajar membolehkan mereka mengikuti kursus kepemimpinan pengawas.
  - B Sifat-sifat sebagai pemimpin dapat dilatih sekiranya pelajar menjadi pengawas dalam sesuatu kursus kepemimpinan.
  - C Matlamat utama kursus kepemimpinan yang dihadiri oleh pengawas-pengawas itu adalah untuk melatih mereka memiliki sifat-sifat seorang pemimpin.
  - D Sebagai pemimpin pengawas, pelajar perlu mengikuti kursus kepemimpinan yang bertujuan untuk membentuk sifat-sifat pemimpin dalam diri mereka.
- 24 **"Marilah kita menjayakan Karnival Bahasa peringkat sekolah pada minggu hadapan,"ujar pengetua kepada murid-murid.**
- A Pengetua berharap agar murid-murid dapat menyertai Karnival Bahasa pada minggu yang akan datang.
  - B Pengetua mengajak murid-murid menjayakan Karnival Bahasa peringkat sekolah pada minggu yang akan datang.
  - C Pengetua berharap agar Karnival Bahasa dapat dianjurkan oleh murid-murid dengan jayanya pada minggu yang akan datang.
  - D Pengetua menggalakkan murid-murid untuk mengambil bahagian dalam Karnival Bahasa pada minggu akan datang.

**Soalan 25-27**

Pilih ayat-ayat yang betul.

25 I Anuar menamai kucingnya Si Tompok.

II Wajah tuan puteri bercahaya bak bulan purnama.

III Adik saya yang belajar dalam tingkatan satu sudah pergi sekolah.

IV Tolong beritahu pihak pengelola sekiranya anda menghadapi lain-lain masalah.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

26 I Kami memperoleh pengajaran yang berguna daripada ceramah tersebut.

II Para pelancong amat tertarik oleh keindahan Pulau Redang.

III Dia sudah agak dewasa tetapi hidupnya masih bergantung kepada orang tuanya.

IV Notanya yang banyak itu ada dengan rakan sekelasnya.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

27 I Suasana di pasar borong menjadi lengang selepas pukul 12.00 tengah hari.

II Tegurannya bukan menghina kita, tetapi sekadar mengingatkan kita sahaja.

III Mereka menunggu di pejabat tanah itu sejak satu jam setengah yang lalu.

IV Sampah mengotorkan lantai yang baru dilap oleh kakak.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja



**Soalan 28 - 30**

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Peribahasa yang berikut membawa maksud membuat dua tiga pekerjaan serentak **kecuali**
- A ke sungai sambil mandi.
  - B sambil berdiang nasi masak.
  - C sebagai condong ditumpil, lemah dianduh.
  - D sekali membuka pura, dua tiga hutang berbayar.
- 29 Peribahasa yang boleh dikaitkan dengan sikap rela berkorban nyawa demi mempertahankan sesuatu yang hak ialah
- A hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.
  - B biar putih tulang jangan putih mata.
  - C bagai cincin dengan permata.
  - D alah bisa tegal biasa.

Soalan 30 berdasarkan gambar di bawah.



Keadaan hidup lelaki itu sangat miskin dan melarat bagai

- A anjing buruk kepala.
- B gembala diberi keris.
- C layang-layang putus tali.
- D kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu.

**Soalan 31 – 35**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MARIAH: Itulah aku katakan. Kita mesti, belajar berniaga kecil-kecilan dulu, seperti menjual aiskrim, membeli pisang, dan berniaga barang-barang runcit. Perniagaan ini tidak memerlukan modal yang banyak.

HANI: Saya tak faham. Mengapa Haji Dollah pekedai barang-barang runcit itu tak boleh maju? Padahal dia telah berniaga 10 tahun lebih.

FIRDAUS: Hutang, saudara, hutang. Engkau tahu, orang-orang kita kuat berhutang. Kalau tak diberikan hutang dikatakan sombong. Apabila diberikan begitulah. Entah bila nak bayar. Esok dan esok. Apabila hutang dah banyak mereka berhenti. Pergi pula ke kedai orang lain. Tak menempuh-nempuh ke kedai Haji Dollah tu. Macam mana nak maju kedainya? Seribu tahun berniaga begini, takkan maju.

YAHYA: *Orang-orang kita terlalu manja.* Duduk di kampung. Tetapi membeli sayur juga. Di keliling bukan tanam sayur-sayuran. Apa salahnya kalau ditanam sayur kacang, bayam, dan lain-lain? Menanam bunga rajin. Berpasu-pasu pula. Mengenyangkankah bunga tu?

ZAINAL: Engkau cuma pandai mengkritik.

YAHYA: (*Menengking*) Hai, kita mesti berani mengkritik diri kita! Kesanggupan diri sendiri bermakna kesanggupan untuk mencari kemajuan. Engkau mahu maju?

*Memandang ZAINAL.*

MARIAH: Orang gila saja yang tak mahu maju.

YAHYA: (*Memandang ZAINAL*) Kalau engkau mahu mesti sanggup mencerminkan diri sendiri.

HANI: (*Memotong percakapan YAHYA*) Mesti sanggup melihat ke dalam diri sendiri, apakah yang kurang? Apakah yang perlu ditokok tambah? Berguna untuk mencapai kemajuan.

(Dipetik dan diubah suai daripada drama *Cabaran*, antologi Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

31 Berdasarkan petikan drama di atas, apakah faktor utama yang menghalang kemajuan sesuatu perniagaan?

- A Sikap tidak mahu belajar berniaga secara kecil-kecilan.
- B Sikap sombong dalam kalangan peniaga.
- C Sikap masyarakat yang suka berhutang.
- D Sikap masyarakat yang terlalu manja.

- 32 Berdasarkan petikan drama di atas , apakah gambaran yang tepat bagi perwatakan Yahya?
- A Seorang yang berpandangan positif.
  - B Seorang yang suka berniaga.
  - C Seorang yang rajin berusaha.
  - D Seorang yang kreatif.
- 33 Apakah pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas?
- A Kita mestilah menepati janji yang telah dibuat.
  - B Kita mestilah berani mengakui kelemahan diri sendiri.
  - C Kita mestilah mengamalkan sikap bertolak ansur.
  - D Kita mestilah tetap pendirian dalam memperjuangkan nasib.
- 34 Frasa *orang-orang kita terlalu manja* dalam petikan drama di atas membawa maksud
- A masyarakat yang malas berusaha.
  - B masyarakat yang suka meminta-minta.
  - C masyarakat yang tidak bijak menggunakan peluang.
  - D masyarakat yang suka berhutang.
- 35 Persoalan-persoalan yang berikut terdapat dalam keseluruhan drama **kecuali**
- A perubahan sikap dan pemikiran dalam kalangan masyarakat.
  - B pentingnya sikap jujur dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab.
  - C pentingnya permuafakatan dalam usaha memajukan bangsa.
  - D pentingnya sektor pertanian dalam memajukan bangsa.

**Soalan 36-40**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Warkah Buat Generasi**

Generasiku tercinta  
kalian adalah kelompok bertuah  
yang sempat berteduh di langit alaf baru  
dengan keberanian sebagai bangsa berrmaruah  
di tanah merdeka milik abadi kita

Generasiku yang bijak bestari  
ini bumi suci perjuangan nenek moyang  
yang bersumpah setia memartabatkan bangsa  
mendaulatkan tanah air, mencipta kebebasan  
membina istana merdeka yang kalian diami.

Penutup warkah ini  
ingin kuingatkan: jangan biarkan akar sejarah  
tercabut dari bumi bertuah ini.

**AMIRUDDIN MD. ALI HANAFIAH**

(Dipetik daripada antologi  
Gema Sepi Gadis  
Genius, Tingkatan 2,  
Dewan Bahasa dan  
Pustaka)

36 Apakah nada sajak di atas?

- A Melankolik
- B Patriotik
- C Protes
- D Sinis

37 Apakah yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam rangkap kedua di atas ?

- A Generasi terdahulu telah membina sebuah negara yang bebas.
- B Generasi terdahulu telah berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan.
- C Generasi terdahulu telah berjanji untuk memajukan negara.
- D Generasi terdahulu telah berjuang bermati-matian.

Penutup warkah ini  
ingin kuingatkan: jangan biarkan akar sejarah  
tercabut dari bumi bertuah ini.

- 38 Berikut merupakan tindakan yang perlu dilakukan oleh generasi hari ini agar hasrat penyajak tercapai **kecuali**
- A generasi hari ini perlu menjadi bangsa yang berani dan bermaruah.
  - B generasi hari ini perlu memartabatkan dan mendaulatkan tanah air.
  - C generasi hari ini perlu mengenang sejarah perjuangan terdahulu.
  - D generasi hari ini perlu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

**akar sejarah**

- 39 Apakah unsur gaya bahasa di atas?
- A Simpulan bahasa
  - B Simile
  - C Metafora
  - D Hiperbola
- 40 Sajak ini bertemakan
- A Semangat perjuangan nenek moyang.
  - B Semangat cinta akan tanah air.
  - C Semangat nasionalisme yang tinggi.
  - D Semangat kemerdekaan anak bangsa.

**KERTAS SOALAN TAMAT**